

DYNA KAOLIN-PECTIN SUSPENSION

Kaolin Light / Pectin (6mg/30ml / 150 mg/30 ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyna Kaolin-Pectin Suspension
2. Bagaimana Dyna Kaolin-Pectin Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyna Kaolin-Pectin Suspension
4. Cara menggunakan Dyna Kaolin-Pectin Suspension
5. Semasa menggunakan Dyna Kaolin-Pectin Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Kaolin-Pectin Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dyna Kaolin-Pectin Suspension

Digunakan untuk kelegaan cirit-birit yang ringan.

Bagaimana Dyna Kaolin-Pectin Suspension berfungsi

Dyna Kaolin-Pectin Suspension berfungsi sebagai penyerap. Ia digunakan dalam rawatan keradangan pada usus kecil, keradangan pada lapisan usus dan cirit-birit yang teruk disebabkan keracunan makanan dan keracunan alkaloid. Kaolin menyerap iritasi dan membentuk lapisan perlindungan pada mukosa usus manakala Pectin bertindak membentuk najis. Ia juga merupakan agen pengemulsi dan gel yang efisien dan boleh digunakan dalam rawatan cirit-birit.

Sebelum menggunakan Dyna Kaolin-Pectin Suspension

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Dyna Kaolin-Pectin Suspension pada kanak-kanak di bawah umur 6 tahun.

Mengandung dan menyusukan anak

Tiada laporan berkaitan kesan-kesan advers ubat.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Dyna Kaolin-Pectin Suspension.

- Sebelum menggunakan Dyna Kaolin-Pectin Suspension

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah- masalah berikut:

- Sekatan usus
- Iritasi sindrom usus

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil Lincomycin, antibiotik dan mana-mana ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Dyna Kaolin-Pectin Suspension

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 sudu teh.

Kanak –kanak 7 hingga 12 tahun: 1 sudu teh.

Untuk di ambil 3 hingga 4 kali sehari.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dyna Kaolin-Pectin Suspension untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada laporan berkaitan dengan terlebih dos.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda

mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Dyna Kaolin-Pectin Suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Kaolin-Pectin Suspension.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dyna Kaolin-Pectin Suspension kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Terapi cecair dan elektrolit yang bersesuaian perlu diberi untuk melindungi daripada dehidrasi. Sembelit yang teruk, yang memberi kesan kepada najis, jarang berlaku kepada pesakit kanak-kanak dan orang yang lebih tua yang mengambil Kaolin dan Pectin.

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan Dyna Kaolin-Pectin Suspension adalah: Pectin dan ubat sembelit yang lain diambil dalam kuantiti yang besar boleh meningkatkan pembuangan dan tekanan angin. Penyempitan usus telah dilaporkan selepas pengambilan ubat ini. Penyempitan esofagus juga terjadi apabila agen-agen ini diambil tanpa air.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Dyna Kaolin-Pectin Suspension**

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak
Lindungi daripada cahaya
Simpan di tempat kering di bawah 30°C
Pastikan bekas ditutup rapat
Goncang sebelum guna

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan
melalui air buangan atau sisa isi rumah.
Sila rujuk kepada ahli farmasi anda
mengenai cara untuk melupuskan ubat
yang tidak diperlukan lagi. Langkah-
langkah ini dapat membantu
melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ampaian berwarna pink berperisa ceri.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Kaolin Light, Pectin

- Bahan-bahan tidak aktif

Sodium Benzoate, Purified Water,
Sodium Saccharin, Gum Tragacanth,
Methylparaben, Peppermint Oil, Syrup,
Rhodigel, Carmoisine, Citric Acid,
Propylparaben, Chloroform Spirit,
Aerosil dan Cherry Flavour.

- Nombor MAL

MAL19910640X

**Pengilang & Pemegang Pendaftaran
Produk**

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/05/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)180518/00159